

PERBELANJAAN ISI RUMAH MUSLIM: SEJAUH MANAKAH TAHAP KEMAMPAHAN ISI RUMAH?

Nur Afifah Rahizal¹
Noorhaslinda Kulub Abd. Rashid¹
Zuraini Anang¹
Anis Mat Dalam¹

Corresponding author: Noorhaslinda Kulub Abd. Rashid
(emel: lindarashid@umt.edu.my)

Abstrak

Daya tahan isi rumah sangat berkait rapat dengan kualiti hidup. Kualiti hidup yang sejahtera dapat dicapai melalui pengurusan perbelanjaan penggunaan dan pendapatan secara berhemah. Sistem ekonomi Islam telah menggariskan kaedah atau cara perbelanjaan terbaik bagi setiap jiwa individu Muslim menerusi 'Model Perbelanjaan Islam' dengan memberi penekanan terhadap kepentingan dharuriyyat (perkara asas), hajiyyat (keperluan) dan tahsiniyyat (kemewahan). Kepentingan ini dianjurkan bagi melindungi kemashalatan dan menolak kemudaratan kepada seseorang individu sebagaimana yang disarankan dalam Maqasid Syariat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengukur tahap kemampuan perbelanjaan isi rumah Muslim di seluruh negeri Terengganu berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata yang dijalankan ke atas 635 orang responden. Pembentukan nilai 'Indeks Penggunaan Mampan' diaplikasikan dalam penulisan ini bagi mengukur sejauhmana individu Muslim itu dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran dan juga keadaan ekonomi masa kini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemampuan perbelanjaan penggunaan isi rumah Muslim di negeri Terengganu masih berada pada tahap yang rendah. Ini bermakna semua pihak berkepentingan seharusnya memainkan peranan masing-masing terhadap pengurusan perbelanjaan yang lebih bijak dan diredhai Allah.

Kata Kunci: Kemampuan; Isi Rumah Muslim; 'Indeks Penggunaan Mampan'; *Dharuriyyat* (Perkara Asas); *Hajiyyat* (Keperluan); *Tahsiniyyat* (Kemewahan)

Abstract

Household survival is closely related to the quality of life. Good quality of life can be achieved through good management in income and consumption expenditure. The Islamic economic system has highlighted the method or the best way of spending for every individual Muslim through the 'Islamic Expenditure Model' by emphasizing the

¹ Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Pembangunan Sosial (FPEPS) Universiti Malaysia Terengganu

importance of dharuriyyat (basics), hajiyyat (Necessities) and tahsiniyyat (embellishment). This interest is recommended to protect the benefits and to counter harm to an individual as suggested in Maqasid Syariat. Hence, the objective of this study is to measure the level of sustainability of Muslim household expenditure throughout the state of Terengganu based on the random sampling method conducted on 635 respondents. The construction of the 'Sustainable Consumption Index' is applied in this paper to measure how far the Muslim individual can adapt to the environment and the current economic situation. Findings show that the sustainability of Muslim household consumption expenditure in Terengganu is low. This means that all stakeholders should play their respective roles in the management of spending more wisely and favourably.

Keywords: Sustainable; Muslim Household; 'Sustainable Consumption Index'; Dharuriyyat (Basics); Hajiyyat (Necessities); Tahsiniyyat (Embellishment)

Pengenalan

Pengurusan perbelanjaan penggunaan dan pendapatan yang baik adalah sangat penting bagi memastikan isi rumah mempunyai tahap daya tahan yang tinggi dalam mengharungi keadaan ekonomi masa kini yang kian mencabar. Kualiti hidup yang lebih baik juga akan dapat dicapai apabila seseorang itu mampu untuk menguruskan perbelanjaan penggunaan mereka dengan baik, sekali gus dapat membentuk satu corak penggunaan yang mampan. Penggunaan mampan merupakan satu istilah yang sering digunakan pada masa kini bagi menunjukkan satu penggunaan yang mampu memberi kualiti hidup yang lebih baik. Namun begitu, dalam masa yang sama dapat mengurangkan kesan terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi bagi mengekalkan keperluan untuk generasi masa kini dan akan datang (Luchs *et al.*, 2011).

Konsep penggunaan mampan merupakan satu corak pemikiran yang mengambil kira keseimbangan antara persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan peningkatan kualiti hidup yang lebih baik (Siti Khatijah & Christopher, 2016). Menurut Magrabi *et al.* (1991) pula, penggunaan mampan boleh didefinisikan sebagai penggunaan barangan dan perkhidmatan bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik, namun pada masa yang sama dapat meminimumkan penggunaan sumber asli, pelepasan sisa toksik ke udara dan tidak merosakkan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Perbelanjaan penggunaan yang terbaik adalah perbelanjaan yang bersandarkan kepada syariat Islam yang menyeru umatnya untuk melakukan perbelanjaan secara berhemah dan bersederhana. Islam telah menggariskan beberapa tingkat perbelanjaan penggunaan mengikut keutamaan dalam memenuhi keperluan hidup semasa berdasarkan hierarki iaitu dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Ketiga-tiga

keutamaan tersebut mempunyai tingkat keutamaan yang berbeza iaitu didahului dengan barangan dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Sekiranya perbelanjaan mengikut model perbelanjaan Islam benar-benar dihayati dan diaplikasikan di dalam kehidupan seharian, nescaya isi rumah akan dapat mencapai kemampunan dalam perbelanjaan isi rumah dan mempunyai daya tahan bagi menghadapi tekanan ekonomi atau sebarang bentuk ancaman yang tidak diingini. Inilah antara matlamat utama Maqasid Syariat ke arah pembentukan perbelanjaan Islam dalam kalangan umatnya.

Realiti kehidupan pada hari ini menyaksikan isi rumah berbelanja melebihi keperluan mereka sehingga menyebabkan perbelanjaan penggunaan mereka menjadi tidak mampan dan seringkali berlakunya masalah perbelanjaan berlebihan dalam kalangan masyarakat (Normaziah *et al.*, 2013). Pengaruh gaya hidup masa kini yang mementingkan kebendaan dan sifat materialistik yang kian meresap ke dalam jiwa masyarakat menyebabkan isi rumah sanggup untuk mengeluarkan peruntukan perbelanjaan yang besar bagi memenuhi kehendak mereka yang tidak terbatas. Gaya hidup yang mewah juga sering meletakkan nilai kebendaan sebagai pengukur kepada kejayaan dan taraf hidup seseorang. Justeru, jalan mudah yang sering diambil oleh isi rumah ialah dengan melakukan hutang bagi memenuhi gaya hidup mewah tersebut.

Kadar keberhutangan isi rumah pada masa kini menunjukkan satu gambaran yang jelas bahawa hutang isi rumah di Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Aliran jumlah hutang isi rumah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun bermula pada tahun 2013 iaitu jumlah hutang isi rumah daripada nisbah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah sebanyak 86.7 peratus, meningkat kepada 87.9 peratus pada tahun 2014. Jumlah hutang isi rumah yang paling tinggi telah dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 89 peratus. Walau bagaimanapun, berlakunya penurunan jumlah hutang isi rumah pada tahun 2016 iaitu berada pada paras 88.3 peratus. Penurunan ini masih mampu dikekalkan pada tahun 2017 iaitu jumlah isi rumah yang dicatatkan berada pada paras 84.3 peratus (Bank Negara Malaysia, 2017). Pada tahun 2018, penurunan hutang isi rumah terus menurun kepada 83 peratus dan masih mengekalkan penurunan satu peratus pada tahun berikutnya (Bank Negara Malaysia, 2020). Namun, akibat penularan Covid-19 di seluruh dunia termasuklah Malaysia, ia telah menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh kerajaan, yang mana isi rumah terpaksa membuat pinjaman dan nilai hutang isi rumah meningkat kepada 90.4 peratus pada tahun 2020 sebelum ia menurun sebanyak 1.1 peratus pada tahun 2021 (Bank Negara Malaysia, 2021). Meskipun berlakunya penurunan jumlah hutang isi rumah dalam beberapa tahun kebelakangan ini, namun pelbagai pendekatan dan usaha perlu diambil oleh semua pihak untuk memastikan penurunan jumlah hutang isi rumah ini dapat dikekalkan untuk tahun-tahun yang akan datang. Hal ini turut disokong oleh kajian Azlina *et al.* (2013), Zakaria (2013) dan Nabihah *et al.* (2022) yang menyatakan bahawa masyarakat pada masa kini

mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap hutang yang mana mereka sanggup berhutang demi membeli barangan idaman dan ianya sangat ketara serta membimbangkan. Perkembangan jumlah hutang isi rumah mampu membawa impak positif kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, namun tidak dapat dinafikan bahawa hutang yang tidak terkawal boleh membawa kepada masalah kewangan yang teruk dan tidak stabil (Azlina *et al.*, 2013; Suhana *et al.*, 2020).

Secara asasnya, hutang adalah diharuskan ke arah perkara-perkara yang tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri, keluarga dan negara. Namun begitu, kebanyakan tujuan hutang yang dilakukan pada masa kini adalah bertujuan untuk memenuhi gaya hidup mewah dan kehendak yang tidak terbatas. Hal ini disokong oleh kajian Nabihah *et al.* (2022) yang menunjukkan bahawa faktor utama golongan belia muflis pada usia muda adalah disebabkan oleh gelagat gaya hidup mewah yang menyebabkan kesanggupan mereka untuk berhutang. Ini selari dengan laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia (2021) menunjukkan tujuan utama isi rumah berhutang dibuat adalah untuk harta kediaman, kenderaan bermotor, pembiayaan peribadi, sekuriti, harta bukan kediaman, kad kredit dan lain-lain.

Selain itu, isu penggunaan kad kredit juga merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian yang khusus kerana menurut Alidaniah *et al.* (2015) menyatakan bahawa di dalam laporan daripada Bank Negara Malaysia (2014) menunjukkan penggunaan kad kredit bagi tujuan pembayaran adalah sebanyak 82.5 peratus berbanding penggunaan kad debit sebanyak 16.4 peratus dan kad caj sebanyak 1 peratus. Penggunaan kad kredit yang terlalu tinggi boleh memberikan kesan yang negatif kepada individu itu sendiri. Walaupun secara asasnya penggunaan kad kredit boleh memberi kemudahan kepada seseorang, namun jika penggunaannya tidak diurus dengan baik ia akan menyebabkan masalah kewangan kepada pemegang kad kredit tersebut.

Isu hutang isi rumah dan hutang kad kredit ini adalah satu senario yang perlu diberi penekanan secara mendalam kerana ianya boleh menyebabkan kebangkrapan. Tambahan lagi, majoriti peminjam yang membuat pinjaman adalah terdiri daripada golongan muda. Golongan ini membuat pinjaman bagi memenuhi tanggungjawab kekeluargaan dan kos sara hidup yang semakin meningkat (Basit *et al.*, 2014). Justeru itu, satu fenomena yang membimbangkan ialah kebarangkalian mereka untuk diisytiharkan bankrap jika mereka tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut. Hal ini kerana golongan muda merupakan kelompok masyarakat yang memainkan peranan penting untuk mencorakkan negara pada masa hadapan. Malangnya, kebimbangan itu telah menjadi kenyataan kerana menurut Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2019, terdapat 84,805 kes melibatkan individu yang berumur antara 25 hingga 44 tahun telah diisytiharkan bankrap (Nabiha *et al.*, 2022).

Seterusnya, kecanggihan teknologi pada masa kini telah membawa satu budaya pembelian secara dalam talian atau lebih dikenali sebagai pembelian *online* yang menyebabkan masyarakat begitu teruja. Tambahan lagi, pelaksanaan PKP yang memaksa isi rumah untuk membeli barangan dan perkhidmatan secara dalam talian telah menyebabkan berlakunya peningkatan capaian Internet oleh isi rumah. Berdasarkan statistik, peratusan capaian isi rumah kepada internet menunjukkan peningkatan kepada 91.7 peratus pada 2020 berbanding 90.1 peratus pada 2019 (Jabatan Perangkaan Negara, 2021). Pembelian dalam talian merupakan tujuan utama capaian Internet oleh isi rumah iaitu pembelian barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang seperti Shopee, Lazada dan Grab yang mana merekodkan 35.2 peratus pada 2019 dan meningkat kepada 45.0 peratus pada 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Peningkatan corak perbelanjaan seumpama ini menunjukkan impak kecanggihan teknologi kepada masyarakat terutama dalam mendepani cabaran pandemik selain keterujaan masyarakat dalam melakukan perbelanjaan semata-mata untuk memenuhi kehendak peribadi mereka.

Peningkatan kos sara hidup juga turut mempengaruhi perbelanjaan penggunaan isi rumah. Secara umumnya, kos sara hidup merupakan satu isu global melibatkan seluruh negara di dunia. Menurut *Worldwide Cost of Living Survey* (2017), Singapura merupakan sebuah negara yang mempunyai kos sara hidup yang paling tinggi di dunia. Namun begitu, Malaysia juga turut tidak terkecuali telah disenaraikan sebagai sebuah negara yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi. Hal ini berdasarkan laporan daripada *Worldwide Cost of Living* (2017) yang menyatakan Kuala Lumpur menduduki tempat ke 96 dalam senarai bandar yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi (Abdul Wahab *et al.*, 2018).

Penularan wabak Covid-19 telah memberi kesan yang buruk kepada tingkat perbelanjaan isi rumah dek kerana pelaksanaan PKP yang bermula pada tahun 2020 hingga 2021. Menurut kajian Hasan *et al.*, (2022), Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2021 melaporkan bahawa secara purata, pendapatan bulanan kasar isi rumah menurun sebanyak 10.3. Tambahan lagi, taraf sosioekonomi penduduk dilihat berubah secara drastik apabila sebanyak 88.5 peratus isi rumah pekerja yang bergaji dalam kumpulan T20 beralih kepada kumpulan M40 manakala 74.2 peratus isi rumah pekerja yang bergaji dalam kumpulan M40 beralih kepada kumpulan B40. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan isi rumah yang terjejas dengan pendapatan bulanan terpaksa membuat pinjaman atau berhutang demi kelangsungan hidup.

Perbelanjaan penggunaan dalam konteks penulisan ini adalah berfokuskan kepada sejauhmana tahap kemampunan perbelanjaan penggunaan isi rumah memandangkan terdapat kelompangan dalam kajian sebelum ini yang kurang menumpukan secara langsung terhadap konsep kemampunan dalam perbelanjaan isi rumah. Penggunaan mampan yang sering dikaji adalah dikaitkan dengan isu penggunaan mampan dengan sisa pepejal (Singhal *et al.*, 2021), isu penggunaan


maman terhadap penggunaan elektrik (Singhal *et al.*, 2021; Stankowska, 2022) dan isu penggunaan mampan dengan pengeluaran (Khattak *et al.*, 2022; Yu *et al.*, 2022). Berdasarkan kepada kelompangan daripada kajian lepas yang kurang memberikan tumpuan secara langsung mengenai perbelanjaan isi rumah dengan konsep penggunaan mampan serta dengan melihat kepada permasalahan yang dinyatakan sebelum ini, maka penulisan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana kemampanan perbelanjaan penggunaan isi rumah muslim dalam menguruskan perbelanjaan mereka dengan menggunakan 'Indeks Penggunaan Mampan'. Pengukuran ini juga mampu menggambarkan tahap kemampanan perbelanjaan mereka dalam mengharungi keadaan ekonomi semasa.

Sorotan Kajian

Perbelanjaan penggunaan isi rumah di Malaysia

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah nilai daripada barangan dan perkhidmatan pengguna yang diperolehi, diguna atau dibayar oleh isi rumah melalui pembelian langsung, hasil pengeluaran sendiri, melalui pertukaran barangan dan perkhidmatan atau pendapatan dalam bentuk mata benda untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahli isi rumah (Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, 2016). Secara umumnya, perbelanjaan isi rumah di Malaysia di kelaskan kepada 12 kumpulan utama iaitu makanan dan minuman bukan alkohol; minuman alkohol dan tembakau; pakaian dan kasut; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; kesihatan; pengangkutan; komunikasi; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; pendidikan; restoran dan hotel dan akhir sekali iaitu pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Jika ditelusuri corak perbelanjaan penggunaan bulanan isi rumah secara purata pada tahun 1993 sehingga tahun 2019, ia menunjukkan komponen perbelanjaan penggunaan isi rumah mengalami peningkatan. Komponen perbelanjaan yang menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan isi rumah ialah perbelanjaan terhadap perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api yang menunjukkan peningkatan yang berterusan pada setiap tahun dan menyumbang kepada peratus tertinggi kepada perbelanjaan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 24 peratus. Peningkatannya yang berterusan daripada tahun 1993 iaitu sebanyak RM 245 (1993/94) kepada RM 1,068 pada tahun 2019 menjadikannya sebagai komponen perbelanjaan terpenting bagi isi rumah. Manakala penyumbang perbelanjaan isi rumah terkecil ialah daripada komponen perbelanjaan pendidikan. Pada mulanya perbelanjaan pendidikan meningkat dari tahun 1993/94 kepada tahun 2004/05, kemudiannya menurun semula pada tahun 2009/10 dan 2014, seterusnya meningkat dengan drastik pada tahun 2019. Ini dapat dilihat melalui Rajah 1.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Rajah 1 :Purata Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah, Malaysia, Tahun 1993 Hingga 2019

Purata perbelanjaan penggunaan bulanan isi rumah mengikut strata, 2014 dan 2019

Perbelanjaan penggunaan bulanan isi rumah pada nilai nonimal telah meningkat sebanyak 5.8 peratus iaitu daripada RM4,033 pada tahun 2016 kepada RM4,534 pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Bagi kawasan bandar, purata perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan telah menunjukkan peningkatan pada kadar 5.5 peratus daripada RM4,402 pada tahun 2016 kepada RM4,916 pada tahun 2019 manakala bagi kawasan luar bandar pula peningkatan perbelanjaan yang berlaku adalah daripada RM2,725 pada tahun 2016 kepada RM3,038 pada tahun 2019, atau sebanyak 5.4 peratus. Ini dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1 : Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Strata, Malaysia, 2016 dan 2019

Strata	Tahun		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	2016 (RM)	2019 (RM)	
Malaysia	4033	4534	5.8
Bandar	4402	4916	5.5
Luar Bandar	2725	3038	5.4

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Purata perbelanjaan penggunaan bulanan isi rumah mengikut kumpulan etnik utama, 2016 dan 2019

Purata perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan etnik utama juga menunjukkan perbezaan dari segi corak perbelanjaan tiga kumpulan etnik utama iaitu etnik Bumiputera, Cina dan India. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bagi etnik Cina menunjukkan jumlah tertinggi berbanding etnik lain. Pada tahun 2016, perbelanjaan penggunaan bagi etnik ini ialah RM 5106 meningkat kepada RM 5713 pada tahun 2019, peningkatan ini adalah sebanyak 6.5 peratus. Manakala perbelanjaan kedua tertinggi ialah bagi etnik India iaitu RM 4272 pada tahun 2016 meningkat kepada RM 4760 pada tahun 2019, peningkatan ini adalah sebanyak 5.6 peratus. Perbelanjaan bagi etnik bumiputera juga mengalami peningkatan daripada tahun 2016 iaitu sebanyak RM 3712 kepada RM 4227 pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah sebanyak 6.5 peratus. Ketiga-tiga kumpulan etnik menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan mereka selaras dengan peningkatan kos sara hidup pada masa kini. Peningkatan tersebut boleh dilihat melalui Jadual 2 dibawah.

Jadual 2: Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Kumpulan Etnik Utama, Malaysia, 2016 dan 2019

Kumpulan Etnik	Tahun		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	2016 (RM)	2019 (RM)	
Bumiputera	3712	4227	6.5
Cina	5106	5713	5.6
India	4272	4760	5.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan isi rumah, Malaysia, 2019

Komposisi perbelanjaan penggunaan tertinggi bagi kumpulan isi rumah berpendapatan Tertinggi 20 peratus (T20) adalah bagi perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Ini juga sama dengan kumpulan isi rumah berpendapatan Terendah 40 peratus (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan Pertengahan 40 peratus (M40). Perbezaan corak perbelanjaan bagi kumpulan tertinggi dan terendah menunjukkan bahawa golongan berpendapatan rendah masih mengekalkan perbelanjaan tertinggi bagi penggunaan untuk keperluan asas berbanding dengan kumpulan pendapatan tertinggi yang meningkatkan perbelanjaan mereka terhadap perbelanjaan selain daripada keperluan asas bagi memberi nilai tambah kepada kehidupan mereka. Ini dapat dilihat melalui Jadual 3.

Jadual 3: Peratusan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah, Malaysia, 2019

Perbelanjaan Penggunaan	B40 (%)	M40 (%)	T20 (%)
Makanan dan minuman bukan alkohol	24.2	18.0	12.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.3	2.4	2.1
Pakaian dan kasut	3.5	3.3	3.5
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	25.6	22.8	22.2
Hiasan perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.6	4.2	5.2
Kesihatan	2.0	2.0	2.4
Pengangkutan	10.8	13.5	15.5
Komunikasi	4.2	5.2	5.3
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	3.5	4.7	6.6
Pendidikan	0.9	1.4	1.9
Restoran dan hotel	12.6	14.5	13.8
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.8	8.0	8.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Metodologi

Persampelan, pengumpulan dan penganalisan data

Kajian ini menggunakan set data yang diperolehi daripada kerja lapangan yang telah dilakukan pada tahun 2017 yang melibatkan seramai 635 orang responden. Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) Muslim di seluruh negeri Terengganu. Secara khususnya, kajian ini melibatkan lapan buah daerah yang terdapat di dalam negeri Terengganu iaitu Daerah Kuala Terengganu, Daerah Kemaman, Daerah Setiu, Daerah Besut, Daerah Marang, Daerah Dungun, Daerah Kuala Nerus dan Daerah Hulu Terengganu. Pemilihan negeri Terengganu sebagai

skop kajian adalah kerana negeri Terengganu mempunyai peratus jumlah penduduk yang beragama Islam tertinggi di Malaysia iaitu seramai 99.2 peratus (Wikipedia, 2016) dan bersesuaian dengan kajian ini iaitu untuk melihat daya tahan isi rumah Muslim (beragama Islam).

Borang soal selidik yang digunakan di dalam penulisan ini terdiri daripada lapan bahagian. Bahagian A adalah berkenaan maklumat latar belakang Ketua Isi Rumah (KIR), Bahagian B adalah berkenaan sumber pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR), Bahagian C adalah mengenai tahap kesihatan Ketua Isi Rumah (KIR), Bahagian D adalah berkenaan jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah, Bahagian E adalah mengenai komitmen agama, Bahagian F adalah berkenaan gelagat berbelanja isi rumah, bahagian G adalah berkenaan gaya hidup dan H adalah mengenai sumber maklumat berkaitan perbelanjaan. Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert antara 1 hingga 4 (skala 1 sangat tidak setuju dan skala 4 sangat setuju).

Pembentukan 'indeks penggunaan mampan' isi rumah muslim

Pengukuran 'Indeks Penggunaan Mampan' menggunakan tiga komponen iaitu 'komponen perbelanjaan', 'komponen tingkah laku' dan 'komponen keagamaan'. Penggunaan ketiga-tiga komponen ini dipilih berdasarkan daripada kajian lepas. Komponen perbelanjaan terdiri daripada sembilan indikator perbelanjaan iaitu makanan, pakaian, pengangkutan, kediaman, kesihatan, pendidikan, rekreasi, pinjaman, dan komunikasi. Seterusnya komponen tingkah laku terdiri daripada tiga indikator iaitu gaya hidup, tempat membeli belah dan sumber maklumat berkaitan perbelanjaan. Sementara komponen keagamaan pula terdiri daripada tiga indikator iaitu akidah, syariat dan akhlak.

Nilai wajaran setiap komponen ditentukan berdasarkan daripada kajian lepas yang telah dilakukan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Noorhaslinda (2016), komponen nilai keagamaan dengan wajaran sebanyak 0.6 dan komponen gaya berbelanja dengan wajaran sebanyak 0.4 telah digunakan memandangkan aspek keagamaan dianggap sebagai paling penting dalam menentukan kefahaman agama seseorang individu itu. Seterusnya, Naziruddin dan Mohd Shabri (2003) pula menggunakan Indeks Keagamaan bagi mengukur tahap keagamaan terhadap gelagat tabungan di kalangan pelajar UIA. Indeks Keagamaan tersebut mengambil kira perbuatan wajib, sunat dan haram dengan wajaran masing-masing pada nilai 0.64, 0.01 dan 0.35. Kajian Nur Azura *et al.* (2005) juga meletakkan wajaran tersebut dalam pengukuran Indeks Kepatuhan Agama dalam kalangan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM). Namun, dalam kajian ini, nilai wajaran diletakkan sebagai 0.6 untuk dimensi perbelanjaan dan 0.2 untuk dimensi tingkah laku dan keagamaan.

Pembentukan indeks penggunaan mampan dilakukan dengan menggunakan formula yang diadaptasi daripada kajian oleh Rahmah *et al.* (2010) dalam kajiannya untuk

mengukur daya saing pekerja dalam sektor pendidikan. Indeks penggunaan mampan ini dibentuk dengan menjumlahkan indeks bagi setiap dimensi iaitu dimensi perbelanjaan, dimensi tingkah laku dan dimensi keagamaan. Persamaan umum berikut digunakan untuk mendapatkan indeks bagi setiap dimensi.

$$I_{ij} = \frac{1}{l_k} \sum \tilde{X}_{ik} \tag{1}$$

Dengan I_{ij} merupakan indeks indikator ke- j bagi individu i yang diperolehi secara purata setelah dibahagikan dengan bilangan item (lk) yang terdapat dalam setiap indikator ke- j . Sementara \tilde{X}_{ik} pula merupakan penormalan jumlah nilai skor individu i bagi setiap item k yang dikira dengan menggunakan formula berikut:

$$\tilde{X}_i = \frac{\text{Nilai sebenar}_k - \text{Nilai minimum}_k}{\text{Nilai maksimum}_k - \text{Nilai minimum}_k} \tag{2}$$

Dalam kajian ini, nilai wajaran diletakkan sebagai 0.6 untuk dimensi perbelanjaan, 0.2 untuk dimensi tingkahlaku dan dimensi keagamaan. Hal ini kerana pengkaji merasakan dimensi perbelanjaan iaitu indikator perbelanjaan untuk makanan, pakaian, pengangkutan, kediaman, kesihatan, pendidikan, rekreasi, pinjaman dan komunikasi dianggap lebih penting dalam menentukan corak perbelanjaan berbanding nilai wajaran untuk tingkah laku dan keagamaan yang mana pemberatnya adalah sama. Jadual 4 menunjukkan bilangan konstruk bagi dimensi perbelanjaan, dimensi tingkah laku dan dimensi keagamaan.

Jadual 4: Dimensi Perbelanjaan, Dimensi Tingkah Laku dan Dimensi Keagamaan

Dimensi Perbelanjaan		
Komponen (j)	Indikator (k)	Bilangan konstruk (l)
Perbelanjaan Wajaran = 0.6	a. Makanan	7
	b. Pakaian	7
	c. Pengangkutan	8
	d. Kediaman	8
	e. Kesihatan	8
	f. Pendidikan	7
	g. Rekreasi	8
	h. Pinjaman	7
	h. Komunikasi	8

Jadual 4 (sambungan)

Dimensi Tingkah Laku		
Komponen (j)	Indikator (k)	Bilangan konstruk (l)
Tingkah Laku Wajaran = 0.2	a. Gaya Hidup	10
	b. Tempat Membeli Belah	5
	c. Sumber Maklumat Berkaitan Perbelanjaan	7
Dimensi Keagamaan		
Komponen (j)	Indikator (K)	Bilangan Konstruk (l)
Keagamaan Wajaran = 0.2	a. Akidah	16
	b. Syariat	8
	c. Akhlak	6

Kajian Rahmah *et al.* (2010) menggunakan formula indeks untuk mengukur daya saing pekerja dalam sektor pendidikan melalui pembentukan nilai Indeks Daya Saing, Indeks Kebolehan Kerja dan Indeks Prestasi Kerja. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba mengaplikasikan pengukuran nilai indeks tersebut melalui pembentukan nilai indeks baru yang dapat menggambarkan dimensi perbelanjaan dimensi gelagat pengguna dan dimensi keagamaan. Ini dapat dianggarkan seperti berikut:

$$Z_{iy} = \sum_{j=1}^m w_j I_{ij} \tag{3}$$

Dengan adalah indeks komponen ke-*j* yang diperolehi melalui persamaan di atas, manakala *m* adalah bilangan komponen yang terdapat dalam dimensi ke-*y*. Sementara *W_j* adalah nilai wajaran mengikut kepentingan masing-masing seperti yang diterangkan di atas. Seterusnya, pembentukan Indeks Komposit Penggunaan Mampan akan dilakukan sebagai langkah terakhir dengan menjumlahkan indeks-indeks perbelanjaan, tingkahlaku dan keagamaan yang setiap satunya diperolehi dari persamaan seperti berikut:

$$IPM_i = \sum_y w_y Z_{iy} \tag{4}$$

Z_{iy} mewakili indeks bagi Dimensi Perbelanjaan, Dimensi Tingkah Laku dan Dimensi Keagamaan. Manakala *w_y* pula merupakan nilai wajaran kepada indeks dimensi tersebut mengikut kepentingan masing-masing. Indeks akan berada pada nilai 0 hingga 1 dengan nilai yang menghampiri 1 menunjukkan bahawa tahap penggunaan

(perbelanjaan) berada pada tahap yang amat baik manakala nilai yang menghampiri 0 adalah sebaliknya. Skala indeks dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Skala Indeks Penggunaan Mampan

Nilai indeks	Skala
0.000 daripada 0.2000	Sangat Rendah
0.2001 hingga 0.4000	Rendah
0.4001 hingga 0.6000	Sederhana
0.6001 hingga 0.8000	Tinggi
0.8001 hingga 1.0000	Sangat Tinggi

Dapatan Kajian

Profil responden

Jadual 6 menunjukkan profil responden melibatkan seramai 635 orang responden yang terdiri daripada 523 orang responden lelaki (82.4%) dan 112 orang responden perempuan (17.6%). Di dapati seramai 34 (5.4%) orang responden adalah berstatus bujang manakala seramai 490 (77.2%) orang responden berstatus berkahwin dan 111(17.5%) orang berstatus duda/janda. Kebanyakan responden berumur antara umur 51 hingga 60 tahun iaitu seramai 144 orang (22.7%). Hampir separuh responden mempunyai pendidikan pada tahap PMR atau SRP dan kebawah iaitu seramai 285 orang (44.9%). Selain itu, hampir separuh responden mempunyai jumlah tanggungan antara 1 hingga 3 orang iaitu seramai 292 orang (46.0%). Seterusnya, pendapatan responden majoritinya berada dalam lingkungan jumlah RM2,001 hingga RM4,000 iaitu seramai 305 orang (48.0%).

Jadual 6: Profil Responden (N=635)

Profil Responden	Kekerapan	Peratus
Jantina (Ketua Isi Rumah)		
Lelaki	523	82.4
Perempuan	112	17.6
Status Perkahwinan		
Bujang	34	5.4
Berkahwin	490	77.2
Duda/Janda	111	17.5

Jadual 6 (sambungan)

Profil Responden	Kekerapan	Peratus
Umur		
20 - 30	17	2.68
31 - 40	100	15.8
41 - 50	131	20.6
51 - 60	144	22.7
60 - 70	137	21.6
70 - 80	92	14.5
80 - 90	14	2.0
Tahap Pendidikan		
Tidak Bersekolah	39	6.1
PMR/SRP dan Kebawah	285	44.9
SPM	219	34.5
STPM/Diploma/Sijil Kemahiran	36	5.6
Ijazah dan Ke atas	27	4.3
Jumlah Tanggungan		
Tiada Tanggungan	24	3.8
1 - 3 orang	292	46.0
4 - 6 orang	256	40.3
7 - 9 orang	57	8.9
10 orang dan keatas	6	1.0
Pendapatan		
RM2000 dan ke bawah	72	11.3
RM2001-RM4000	305	48.0
RM4001-RM6000	138	21.7
RM6001-RM8000	49	7.7
RM8001-RM10000	22	3.5
RM10001 dan ke atas	49	7.7

Sumber: Kerja lapangan (2017)

Indeks Penggunaan Mampan

Jadual 7 menunjukkan indeks penggunaan mampan yang diperolehi daripada formula pengiraan yang ditunjukkan pada persamaan 1 hingga 4 di atas. Didapati seramai 2 (0.31%) orang responden mempunyai indeks penggunaan mampan yang 'Sangat Rendah'. Seterusnya, seramai 379 (59.69%) orang responden mempunyai indeks penggunaan mampan yang 'Rendah' iaitu mewakili lebih separuh daripada jumlah responden yang terlibat. Seramai 252 (39.69%) orang responden mempunyai indeks penggunaan mampan pada tahap yang 'Sederhana'. Namun begitu, hanya 2 (0.31%) orang responden mempunyai indeks penggunaan mampan pada tahap yang 'Tinggi'. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan mampan isi rumah muslim di negeri Terengganu masih ditahap yang rendah dan memerlukan perubahan yang segera dan kesedaran yang tinggi dalam diri mereka agar dapat membentuk satu

corak penggunaan yang mampan dan berdaya tahan selaras dengan model perbelanjaan Islam.

Jadual 7: Indeks Penggunaan Mampan Isi Rumah Muslim

Indeks Penggunaan Mampan	Bilangan Responden
(0-0.2000) (Sangat Rendah)	2 (0.31%)
(0.2001-0.4000) (Rendah)	379 (59.69%)
(0.4000-0.6000) (Sederhana)	252 (39.69%)
(0.6001-0.8000) (Tinggi)	2 (0.31%)

Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan mampan isi rumah muslim

Jadual 8 di bawah menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan mampan isi rumah Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor jantina mempengaruhi dalam melakukan perbelanjaan. Faktor jantina mempunyai nilai signifikan pada aras keertian 0.01. Jantina yang dilihat bagi analisis ini ialah jantina lelaki. Hasil kajian menunjukkan bahawa apabila berlaku peningkatan satu peratus dalam jantina lelaki menyebabkan penurunan sebanyak 0.052 peratus di dalam perbelanjaan isi rumah. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian oleh Panzone *et al.* (2016) yang menyatakan bahawa faktor jantina mempengaruhi perbelanjaan seseorang. Kajian oleh Murendo *et al.* (2022) menyatakan bahawa faktor jantina memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perbelanjaan seseorang.

Seterusnya, faktor jenis pekerjaan juga menjadi faktor kepada perbelanjaan seseorang. Hasil kajian menunjukkan bahawa apabila berlaku peningkatan sebanyak satu tahun dalam pekerjaan menyebabkan perbelanjaan isi rumah meningkat sebanyak 0.005 peratus. Hal ini kerana apabila seseorang menceburi bidang pekerjaan yang memberi ganjaran pendapatan yang tinggi, maka ianya akan mempengaruhi gaya perbelanjaan seseorang. Faktor ini mempunyai nilai signifikan pada aras keertian 0.10. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Applanaidu *et al.* (2022) yang menyatakan bahawa faktor jenis pekerjaan mempengaruhi perbelanjaan seseorang.

Selain itu, faktor tahap pendidikan turut mempengaruhi tahap perbelanjaan isi rumah. Hasil kajian menunjukkan bahawa apabila berlaku peningkatan satu tahun dalam tahap pendidikan akan menyebabkan peningkatan sebanyak 0.007 peratus. Hal ini kerana apabila seseorang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi, kecenderungan mereka dalam membuat keputusan untuk membeli adalah lebih baik dan rasional dan mereka juga dianggap mempunyai pertimbangan yang baik dalam membuat keputusan pembelian sesuatu barangan. Apabila seseorang mempunyai

tahap pendidikan yang tinggi juga, mereka dijangka akan mendapat pekerjaan yang lebih baik dan akan meningkatkan pendapatan mereka. Hal ini akan mempengaruhi tahap perbelanjaan mereka. Hal ini disokong oleh kajian daripada Abdul Syakur *et al.* (2021) yang menyatakan bahawa tahap pendidikan yang tinggi akan mempengaruhi tahap pendapatan seseorang.

Faktor status perkahwinan juga turut mempengaruhi seseorang dalam melakukan perbelanjaan. Hasil kajian menunjukkan apabila berlaku peningkatan 1 peratus dalam tempoh perkahwinan akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah sebanyak 0.022 peratus. Faktor status perkahwinan dikatakan mempengaruhi perbelanjaan seseorang kerana terdapat perbezaan daripada jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh individu yang bujang berbanding dengan individu yang sudah mempunyai keluarga. Perbezaan dalam jumlah perbelanjaan ini akan mempengaruhi tahap perbelanjaan mereka. Dapatan ini disokong oleh Urbano *et al.* (2022) yang menyatakan bahawa saiz keluarga mempengaruhi jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh seseorang.

Seterusnya, faktor pendapatan yang diterima oleh seseorang turut mempengaruhi jumlah perbelanjaan yang dilakukan. Hasil kajian menunjukkan apabila berlaku 1 peratus peningkatan dalam pendapatan akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah sebanyak 0.029 peratus. Seseorang yang mempunyai pendapatan yang tinggi dikatakan mempunyai kecenderungan untuk melakukan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi dalam memenuhi tuntutan keperluan dan kehendak yang tidak terbatas. Menurut Ewubare dan Onah (2022) dalam kajiannya menunjukkan bahawa apabila pendapatan bulanan keluarga meningkat, tingkah laku dalam pembelian mereka juga akan meningkat. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendapatan mempengaruhi seseorang dalam melakukan perbelanjaan sekaligus mempengaruhi tahap kemampuan perbelanjaan penggunaan yang dilakukan oleh mereka.

Akhir sekali ialah faktor tabungan. Faktor tabungan dilihat mempunyai pengaruh terhadap jumlah perbelanjaan seseorang. Hasil kajian menunjukkan bahawa apabila berlaku peningkatan 1 peratus dalam tabungan akan mengurangkan perbelanjaan isi rumah sebanyak 0.019 peratus. Hal ini kerana apabila seseorang memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tabungan, maka bahagian pendapatan mereka untuk melakukan perbelanjaan adalah semakin berkurang dan ia akan mempengaruhi tahap kemampuan perbelanjaan isi rumah samada semakin mampan mahupun sebaliknya.

Jadual 8: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Mampan Isi Rumah Muslim

<i>Unstandardized Coefficients</i>			<i>Standardized Coefficients</i>	t	Sig.
B	Std. Error	Beta			
(Constant)	.400	.033		12.170	.000
Jantina	-.052	.009	-.242	-5.655	.000***
Umur	.000	.000	-.063	-1.439	.151
Jenis Pekerjaan	.005	.003	-.075	-1.867	.062*
Tahap Pendidikan	.007	.002	.141	3.558	.000***
Kesihatan	.006	.005	.051	1.291	.197
Status perkahwinan	.022	.008	.122	2.882	.004**
Pendapatan	.029	.005	.225	6.216	.000***
Tabungan	-.019	.003	-.235	-6.524	.000***

*Signifikan pada aras keertian 0.10

**Signifikan pada aras keertian 0.05

***Signifikan pada aras keertian 0.01

Perbincangan dan Implikasi Dasar

Kemampuan perbelanjaan isi rumah Muslim di negeri Terengganu yang diukur menggunakan 'Indeks Penggunaan Mampan' menunjukkan ianya berada pada tahap yang rendah. Dapatan penulisan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Selamah Abdullah *et al.* (2015) yang menunjukkan bahawa isi rumah di Malaysia mempunyai tahap kemampuan daya tahan yang rendah dalam menghadapi kejutan kewangan dan hasil kajian tersebut menunjukkan hanya 10 peratus daripada isi rumah bandar mampu berdaya tahan untuk menghadapi masalah kewangan dan lebih daripada satu perlima daripada isi rumah ini tidak mampu bertahan untuk tempoh tiga bulan jika mereka mengalami keadaan di mana pendapatan mereka terputus.

Selain itu, pengurusan perbelanjaan isi rumah dengan cara yang berhemah dan besederhana juga adalah sangat penting untuk membentuk satu corak perbelanjaan yang mampan agar dapat memberi kualiti hidup yang baik kepada kehidupan mereka. Isi rumah yang mampu mengawal dan mengatur perbelanjaan mereka dengan baik akan dapat menyumbang kepada kemampuan perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan yang terbaik adalah perbelanjaan yang bersandarkan kepada model perbelanjaan Islam iaitu perbelanjaan yang mengikut tingkat keutamaan dharuriyyat, hajjiyyat dan tahsiniyyat (Muhammad Abd Munaim al-jammal, 1997). Jika perbelanjaan mengikut ajaran Islam ini benar-benar dihayati dan diaplikasikan di dalam perbelanjaan seharian, nescaya perbelanjaan penggunaan isi rumah mampu mencapai tahap kemampuan isi rumah dan mewujudkan isi rumah yang lebih berdaya tahan di dalam melakukan perbelanjaan seharian.

Seterusnya, pengurusan hutang juga perlu diurus dengan baik dan teratur kerana ia akan menyebabkan perbelanjaan menjadi tidak mampan malah ia juga akan menyebabkan pendapatan boleh guna isi rumah semakin berkurang kerana pendapatan tersebut diperuntukkan unuk membayar hutang (Nabihah *et al.*, 2022). Isu hutang isi rumah yang dilihat saban hari semakin meningkat perlu dikawal dengan pengurusan yang baik oleh setiap pihak. Hal ini kerana menurut Laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia (2021), Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai paras hutang isi rumah berbanding KDNK kedua tertinggi antara negara-negara membangun di rantau Asia Tenggara.

Oleh itu, usaha ke arah mencapai kemampanan perbelanjaan isi rumah haruslah digalas oleh semua pihak terutamanya individu yang terlibat di dalam membuat dasar ekonomi negara seperti pakar ekonomi. Mereka boleh memainkan peranan dengan menerapkan nilai penghayatan ilmu perbelanjaan penggunaan berdasarkan syariat Islam yang dapat dilakukan melalui diskusi ilmu, seminar, bengkel, kolokium, mahupun perbentangan kertas kerja (Abdollah, Md Rais, Nordin & Jaafar, 2021). Selain itu, bank pusat perlu mempunyai kawalan terhadap dan lebih ketat terhadap bank-bank dan institusi kewangan serta mengawal jumlah pinjaman yang dikeluarkan (Haryani *et al.*, 2015). Hal ini adalah bertujuan untuk mengawal hutang isi rumah agar berada di dalam keadaan yang terkawal. Seterusnya, melalui sistem pendidikan, institut pendidikan boleh melaksanakan tindakan proaktif dalam melahirkan para graduan yang berpengetahuan tinggi dalam aspek kepenggunaan menerusi subjek-subjek yang diajar dan melalui kajian penyelidikan berkaitan perbelanjaan penggunaan di peringkat institusi pengajian tinggi. Manakala di peringkat sekolah rendah dan menengah pula, penerapan tentang perancangan di dalam perbelanjaan penggunaan wajar dilakukan agar dapat membawa implikasi yang positif pada masa hadapan

Kesimpulan

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap kemampanan dalam perbelanjaan isi rumah Muslim melalui pembentukan indeks penggunaan mampan dan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kemampanan perbelanjaan isi rumah. Hasil daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa tahap kemampanan perbelanjaan isi rumah muslim di Terengganu berada di tahap yang rendah manakala faktor yang menjadi penyumbang kepada tahap kemampanan perbelanjaan isi rumah ialah faktor jantina, jenis pekerjaan, tahap pendidikan, status perkahwinan, pendapatan dan tabungan. Selain itu, cadangan bagi kajian yang akan datang adalah dengan melakukan kajian yang melibatkan kepelbagaian jenis kaum serta tidak hanya berfokuskan kepada kaum Melayu sahaja dan melakukan kajian di negeri- negeri lain serta tidak hanya tertumpu kepada negeri Terengganu sahaja agar tahap kemampanan perbelanjaan isi rumah dapat dilihat secara lebih meluas.

Rujukan

- Abd. Ghani, B., (2003). *Penggunaan Dalam Ekonomi: Analisis Dari Perspektif Islam*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdollah, A., Rais, N. A. M., Nordin, N. H., & Jaafar, I. S. (2021). Pengurusan kewangan mahasiswa fakulti keilmuan islam Kolej Universiti Islam Melaka (kuim) menerusi maqasid syariah. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 81-93.
- Abdullah, N., & Abd Majid, M.S., (2003) The influence of religiosity, income and consumption on saving behavior: The Case of IIUM. *Iqtisad Journal of Islamic Economics*, 4(1), 37–55.
- Adger (2000) Social and ecological resilience: Are; *Progress in Human Geography* 24 (3): 347-364.
- Aidil Akhyar (2008) Seronok yang membawa bencana: Pengurusan hutang piutang dalam Islam. Pustaka Azhar. Johor Bahru, Johor.
- Alidaniah, N. A. R., Ahmad, S., Noor, M. A. M., & Moi, M. R. (2017). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor (Malaysians in pursuit of the good life: A study of the nature of household debt by ethnic groups in Bandar Baru Bangi, Selangor). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11).
- Alwee, N. Selvaratnam, D.P., (2015). Penentu Penggunaan Di Malaysia. - 19th Macfea National Seminar. 447-456.
- Applanaidu, S. D., Abdul-Adzis, A., Jan, S. J., & Abidin, N. Z. (2022). Socio-economics factors affecting B40 households food expenditure in Malaysia. *Journal of Positive School Psychology*, 4539-4553.
- Bank Negara Malaysia (2021). Laporan Tahunan, Kuala Lumpur.
- Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. (2014). Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal. Prosiding PERKEM ke- 9. 833-844.
- Bernamea. 2012, June 3. Gila Berbelanja di Internet. *Mingguan Malaysia*, p. 15.
- Buang, A.H, (2009) *Jurnal Muamalat*. Pengurusan Harta Keluarga mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia. Bil. 2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- Bulut, Z. A., Kökalan Çımrın, F., & Doğan, O. (2017). Gender, generation and sustainable consumption: Exploring the behaviour of consumers from Izmir, Turkey. *International Journal of Consumer Studies*, 41(6), 597–604.
- Ewubare, D. B., & Onah, A. O. (2022). Empirical investigation of the determinants of household expenditure in Nigeria: The role of income and inflation. *Asian Journal of Economics, Finance and Management*, 16-22.
- Hakimi Ismail (2017), Utusan Online
- Hasan, A., Jamalolail, F. N., Abd Rahman, A., Ahmad, F., & Amaris, I. (2022). Kesan pandemik COVID-19 terhadap trajektori ekonomi malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(4), 206-216.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2016) Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016/17.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, 2019.
- Khattak, S. I., Ahmad, M., ul Haq, Z., Shaofu, G., & Hang, J. (2022). On the goals of sustainable production and the conditions of environmental sustainability: Does cyclical innovation in green and sustainable technologies determine carbon dioxide emissions in G-7 economies. *Sustainable Production and Consumption*, 29, 406-420.
- Kulub Abd Rashid, N., (2016). Pengaruh Keagamaan Terhadap Perbelanjaan Isi Rumah di Malaysia. Tesis Tidak diTerbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan Bancian (2016) diperoleh daripada [http://www.mida.gov.my/home/3963/news/laporan-banci-ekonomi-2016-\(struktur-ekonomi\)/](http://www.mida.gov.my/home/3963/news/laporan-banci-ekonomi-2016-(struktur-ekonomi)/)
- Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah. *Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)*.
- Magrabi, F.M., Chung, Y.S., Cha, S.S. & Yang, S. (1991) *The Economics of Household Consumption*. Praeger, New York.
- Mohamad Fazli Sabri (2017), Makalah Ringgit Edisi April 2017.

- Muhammad Abd Munaim al-jammal (1997) dalam Nor azzah Kamri, Seminar Keusahawanan Islam II, Peringkat Kebangsaan, Kepenggunaan dalam Islam: Tinjauan dari Sudut Etika.
- Murendo, C., Chirongwe, G., & Sisito, G. (2022). Food expenditure shares and income elasticities in Zimbabwe: Accounting for gender and poverty differences. *Cogent Economics & Finance*, 10(1), 2101241.
- Norris, F. H., Stevens, S. P., Pfefferbaum, B., Wyche, K. F., & Pfefferbaum, R. L. (2008). Community resilience as a metaphor, theory, set of capacities, and strategy for disaster readiness. *American Journal of Community Psychology*, 41, 127-150.
- Nuno Alves (2012) The impact of education on household income and expenditure inequality, *Applied Economics Letters*, 19(10), 915-919.
- Othman, K., & Sipon, S., (2014) The relationship of financial stress and religious coping from Islamic perspective. *International Review of Management and Business Research* 3(1), 133-138.
- Panzone, L., Hilton, D., Sale, L., & Cohen, D. (2016) Socio-demographics, implicit attitudes, explicit attitudes, and sustainable consumption in supermarket shopping, *Journal of Economic Psychology*, 55, 77-95.
- Rahmah Ismail, Ishak Yussof, Abd. Hair Awang & Syahida Zainal Abidin. 2010. Analisis Status dan Penentu Daya Saing Pekerja dalam Sektor Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 44(2010), 83–91.
- Sanusi, N. A., & Mohammad Bahar, N. F. (2005). Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan: Kajian kes UUM.
- Selamah Abdullah, Y., Rohaiza A. R., & Wan Jamaliah W. J. (2015) Financial Fragility of Urban Households in Malaysia.
- Shaharudin Idrus. (2016). Menggalas Cabaran Hidup di Bandar Besar. Berita Harian bertarikh 12 Januari 2016.
- Shakur, E. S. A., Sa'at, N. H., & Rashid, N. K. A. (2021). Penentuan tingkah laku pengguna dalam mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan dalam kalangan isi rumah melayu. Kajian Malaysia: *Journal of Malaysian Studies*, 39(1).
- Siti Khatijah Zamhari dan Christopher Perumal (2016). Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari.

- Stankowska, A. (2022). Sustainability development: assessment of selected indicators of sustainable energy development in Poland and in selected EU member states prior to COVID-19 and following the third wave of COVID-19. *Energies*, 15(6), 2135.
- Syah, N. A. N. M., Sha'ari, H., Nasir, W. N. W. M., & Razaki, M. M. (2022). Faktor-faktor muflis dalam kalangan belia di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 1-18.
- Syuhaily, O. & Amimah, A. M. (2010). Pengaruh barangan berjenama ke atas tingkah laku pembelian. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 14, 10-26
- T.J. Kasperbauer (2017) The Permissibility of Nudging for Sustainable Energy Consumption.
- W. Liu, Peter Oosterveer dan Gert Spaargaren (2016) Promoting Sustainable Consumption in China: A conceptual framework and research review.
- Wahab, A., Mohd Aqmin & Shahiri, Hazrul & Mansur, Mustazar & Zaidi, Mohd Azlan Shah. (2018). The rising cost of living in Malaysia: A slow household income growth or increasing standard of living. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 52, 125-139.
- Worldwide Cost of Living Survey (2017) *The Economist.com* diperoleh daripada <http://www.eiu.com/topic/worldwide-cost-of-living>.
- Yu, Z., Razzaq, A., Rehman, A., Shah, A., Jameel, K., & Mor, R. S. (2022). Disruption in global supply chain and socio-economic shocks: A lesson from COVID-19 for sustainable production and consumption. *Operations Management Research*, 15(1), 233-248.
- Zainal Abidin, A., Sarmidi, T., & Md Nor, A.H.S., (2013) Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah. PERKEM VIII, Jilid 1 (2013) ISSN: 2231-962X, hlm.445-459.
- Zakaria, M. F., Sulong, R. H. R., & Rasip, O. M. (2022). Melestarikan pengurusan sisa pepejal berdasarkan pandangan Islam: Analisis terhadap amalan 3R. Sustaining solid waste management based on Islamic views: An analysis of 3R practices. *Journal of Islamic*, 7(44), 73-89.
- Zakaria, R. H. B. (2013). Sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan: Kajian kes di Lembah Klang, Malaysia. *Jurnal Pentadbiran Sosial Malaysia*, 9(1), 59-86.

Zhao, W., & Schroeder, P. (2010). Sustainable consumption and production: Trends, challenges and options for the Asia-Pacific region. *Natural Resources Forum*, 34(1), 4–15. doi:10.1111/j.1477-8947.2010.01275.x